

KLRA SD bawa suara warga kota

Platform wujudkan
pelan pembangunan
mampan, lestari
demi komuniti
setempat

Oleh **IZWAN ROZLIN**
KUALA LUMPUR

Sebanyak 60 persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Kuala Lumpur bergabung di bawah Persatuan Kebajikan Kelestarian Kuala Lumpur (KLRA SD) yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun lalu.

Pengerusinya, Tan Booi Charn berkata, KLRA SD menjadi ruang warga kota menyuarakan pandangan dan pendapat berhubung isu dan soal pembangunan kawasan setempat melibatkan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Saya yakin penubuhan KLRA SD yang disokong oleh



Ahli jawatankuasa dan wakil penduduk yang hadir pada Majlis Pelancaran KLRA SD di IWK Eco Park@Pantai Dalam, Kuala Lumpur pada Sabtu.

semua ahli Parlimen di Kuala Lumpur ini boleh berfungsi dengan lebih baik menerusi perbincangan secara terus dengan pihak berwajib ke arah pembangunan yang lebih mampan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran KLRA SD di IWK Eco Park@Pantai Dalam, di sini pada Sabtu yang disempurnakan oleh Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan.

Booi Charn juga berharap

sebarang penambahbaikan dan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dilaksanakan secara terancang dengan mengambil kira keseimbangan alam sekitar, ekosistem dan tadbir urus yang baik.

"Sumbangan paling besar ialah apabila KLRA SD yang dibentuk ini dapat memberi cadangan dan pendapat semasa sesi libat urus mengenai Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040 pada ta-

hun lalu," ujar beliau.

Jelasnya, ini termasuk mewujudkan platform untuk mengumpul maklum balas penduduk dan menghantar atau menyalurkan kepada ahli-ahli Parlimen, pihak berwajib dan agensi kerajaan berkaitan supaya mereka dapat mengetahui dan mengambil kira keperluan orang awam dalam merangka pelan pembangunan, polisi dan tindakan untuk bandaraya ini.

"Paling penting ia membuka jalan bagaimana kemudahan

pengangkutan awam, isu alam sekitar dan perubahan iklim, serta sistem maklum balas dapat dipertingkatkan," katanya.

Sementara itu Zahir berkata, penubuhan KLRA SD amat baik dan bertepatan dengan objektifnya memberi ruang kepada semua persatuan penduduk Kuala Lumpur, NGO dan institusi pengajian tinggi untuk bersama-sama merealisasikan matlamat ke arah pembangunan mampan, lestari untuk warga kota.